



GARIS PANDUAN PEMBELIAN HARTANAH OLEH PIHAK SELAIN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG BAGI TUJUAN WAKAF

1. Pengenalan:

- 1.1 Majlis Agama Islam Negeri adalah pemegang amanah tunggal wakaf dan di Pulau Pinang tadbir urus wakaf adalah di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).
- 1.2 Semua hartanah bagi tujuan wakaf di Pulau Pinang harus didaftarkan atas nama MAINPP.
- 1.3 Garis Panduan Pembelian Hartanah Oleh Pihak Selain Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bagi Tujuan Wakaf telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bilangan 8 Tahun 2025 (Kali Ke-270) bertarikh 29 Ogos 2025.
- 1.4 Garis Panduan ini sebagai rujukan pembelian hartanah bagi tujuan wakaf untuk faedah pihak-pihak selain MAINPP.
- 1.5 Garis Panduan ini juga menjadi rujukan kepada pihak-pihak lain sebelum mengemukakan permohonan cadangan pembelian hartanah bagi tujuan wakaf kepada MAINPP.

2. Takrifan Pihak-pihak:

- 2.1 Masjid
- 2.2 Persatuan/Pertubuhan/Badan Bukan Kerajaan
- 2.3 Institusi pendidikan Islam

3. Takrifan Hartanah:

Hartanah merujuk kepada harta tidak alih iaitu tanah atau bangunan.

4. Prosedur Pembelian:

- 4.1 MAINPP Sebagai Pihak yang Menandatangani Perjanjian Jual Beli
 - 4.1.1 Permohonan cadangan pembelian oleh pihak selain MAINPP perlu mendapat kelulusan mesyuarat MAINPP.
 - 4.1.2 MAINPP boleh mempertimbangkan permohonan pembelian hartanah sekiranya pemohon telah mempunyai dana untuk pembelian hartanah berkenaan minimum lapan puluh peratus (80%) daripada harga tawaran pembelian.
 - 4.1.3 Pemohon akan mengadakan rundingan awal bersama penjual mengenai harga tawaran dan tempoh bayaran yang akan dinyatakan di dalam perjanjian jual beli.
 - 4.1.4 MAINPP akan mewakili pihak-pihak lain (pemohon) sebagai pembeli dengan menandatangani perjanjian jual beli bersama penjual.
 - 4.1.5 Dana pembelian, kos guaman dan lain-lain kos terlibat adalah di bawah tanggungjawab pemohon.
 - 4.1.6 Pemohon hendaklah menyalurkan kos-kos berkaitan pembelian ke akaun di MAINPP bagi urusan bayaran kepada pihak penjual.
 - 4.1.7 Pendaftaran hartanah akan diuruskan oleh MAINPP.
- 4.2 Pihak-pihak Selain MAINPP yang Menandatangani Perjanjian Jual Beli
 - 4.2.1 Pihak-pihak berkenaan hendaklah mendapatkan khidmat nasihat daripada MAINPP mengenai latar belakang hartanah yang hendak dibeli dan ulasan di peringkat pengurusan MAINPP.
 - 4.2.2 Pihak-pihak berkenaan mempunyai dana minimum tiga puluh peratus (30%) daripada kos pembelian.

- 4.2.3 Dana pembelian dan segala kos lain yang terlibat adalah tanggungjawab pihak-pihak berkenaan.
- 4.2.4 Pihak-pihak berkenaan juga boleh menandatangani perjanjian jual beli namun perlu diletakkan sebagai pemegang amanah atau satu surat ikatan amanah perlu disediakan iaitu maklumat nama-nama individu yang mewakili untuk menandatangani perjanjian hanyalah bertindak sebagai wakil dan hartanah berkenaan tidak tertakluk kepada harta pusaka.
- 4.2.5 Pendaftaran ke atas nama MAINPP setelah selesai pembayaran pembelian oleh pihak-pihak berkenaan akan diuruskan oleh MAINPP.

5. Penutup

Garis Panduan ini adalah rujukan kepada semua pihak-pihak yang berhasrat untuk membuat pembelian hartanah bagi tujuan wakaf di negeri Pulau Pinang.